

Pelaksanaan Usrah Mingguan Siswi Kelab Rakan Pusat Islam (RAPI) Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) dengan Menggunakan Silibus Beriman Kepada Allah

Mardziah Binti Kamarudin^{1,*}, Suhaila Binti Mustaffa²

¹Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

²Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia

Email: ^{1,*}mardziah@ptss.edu.my, ²suhailamustaffa@ptss.edu.my

Email Penulis Korespondensi: mardziah@ptss.edu.my

Abstrak-Beriman kepada Allah adalah asas akidah seseorang muslim. Justeru, kertas kerja ini bertujuan menyingkap dan membincangkan tentang penerapan silibus beriman kepada Allah di dalam usrah mingguan siswi Kelab RAPI Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Isu ini tidak boleh dipandang mudah oleh semua pihak malah perlu kepada usaha yang berterusan untuk menambah baik soal pembentukan peribadi pelajar muslim PTSS. Islam adalah agama yang dicipta oleh Allah kepada semua manusia di muka bumi ini. Oleh itu selayaknya pelajar muslim PTSS yang mengikuti usrah mingguan siswi Kelab RAPI boleh mengaplikasikan secara positif konsep beriman kepada Allah di dalam budaya hidup mereka. Aspek kenal Allah memainkan peranan penting sebagai asas untuk beriman kepada Allah. Penerapan ukhwah di kalangan ahli usrah siswi mingguan juga membantu ke arah mewujudkan suasana yang baik. Hati merasai diawasi oleh Allah akan menjadi benteng untuk pelajar muslim PTSS dari melakukan maksiat. Perbincangan yang terperinci dan berfokus terhadap silibus beriman kepada Allah ini turut dijelaskan berdasarkan sumber al-Quran dan hadis Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam.

Kata kunci: Allah; Beriman; Ukhwah

Abstract-Belief in Allah is the basis of a Muslim's faith. Therefore, this working paper aims to reveal and study the implementation of the syllabus of faith in Allah in the weekly usrah of the students of the RAPI Club of the Tuanku Syed Sirajuddin Polytechnic (PTSS). This issue cannot be taken lightly by all parties, but rather requires continuous efforts to improve the personal development of PTSS Muslim students. Islam is a religion created by Allah for all people on this earth. Therefore, it is appropriate that PTSS Muslim students who follow the weekly usrah of the RAPI Club students can positively apply the concept of faith in Allah in their life culture. The aspect of knowing Allah plays an important role as the basis for believing in Allah. The implementation of ukhwah among the members of the weekly usrah of the students also helps to create a good atmosphere. The heart feels watched by Allah will be a fortress for PTSS Muslim students from committing sins. A detailed and focused discussion on the syllabus of faith in Allah is also explained based on the Quran and the hadith of the Prophet Muhammad (peace and blessings of Allah be upon him)

Keywords: Allah, Faith, Ukhwah

1. PENGENALAN

Kelab Rakan Pusat Islam Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin atau dikenali dengan nama singkatannya Kelab RAPI merupakan sebuah kelab yang telah berdaftar dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Kelab RAPI adalah di bawah carta organisasi Pusat Islam PTSS. Mengikut Pegawai HEP, Pn Zulina Binti Yusoff, objektif penubuhan Kelab RAPI, PTSS adalah untuk membantu urusan mengimarahkan Pusat Islam PTSS. Penyertaan sebagai ahli Kelab RAPI PTSS adalah terbuka kepada semua lapisan kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Ianya merupakan kelab bukan akademik dan berfungsi untuk menyebarkan fikrah Islam kepada seluruh masyarakat di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin yang terdiri daripada pelajar, staf akademik dan staf bukan akademik. Ahli Kelab RAPI, PTSS juga akan membantu untuk mengimarahkan Pusat Islam Luqman al-Hakim, PTSS seperti aktiviti keceriaan pusat islam, urusan imam dan bilal yang akan bertugas untuk solat fardhu, program qiamullail, majlis berbuka puasa di bulan ramadhan di samping aktiviti luar bersama masyarakat. Pusat Islam Luqman al-Hakim, PTSS merupakan sebuah tempat untuk melaksanakan ibadah kepada orang Islam yang meliputi solat, ceramah agama di samping kelas akademik pelajar dan mesyuarat.

Setiap awal sesi perkuliahan, Kelab RAPI, PTSS akan membuka penyertaan ahli kepada seluruh pelajar PTSS. Perlantikan organisasi Kelab RAPI, PTSS yang baru juga akan dibuat pada awal sesi perkuliahan kerana pertukaran pelajar sering berlaku pada setiap sesi akademik. Ini kerana pelajar di PTSS terdiri daripada pelajar yang mengikuti program diploma dan ASASI Tvet. Pelajar diploma akan berada di PTSS selama 3 tahun dan pelajar Asasi Tvet hanya setahun. Menurut Dr Jailani & Dr Noraini (2005), kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan. Oleh itu pelajar yang menyertai Kelab RAPI, PTSS boleh mengasah bakat mereka untuk memimpin organisasi.

Usrah mingguan siswi Kelab RAPI diadakan setiap minggu oleh Penasihat Kelab RAPI Siswi, PTSS iaitu Puan Mardziah Binti Kamarudin. Aspek membangunkan kesedaran beragama di politeknik, semestinya terdapat beberapa pihak yang bekerjasama memastikan pelajar politeknik mempunyai kesedaran berpegang teguh dengan agama Islam. Antara yang terlibat secara langsung ialah Pusat Islam yang menjadi teras kepada pembangunan aktiviti keagamaan di samping Kelab RAPI. Aktiviti keagamaan juga menjadi tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Peranan JHEP ialah memberi peruntukan yang selayaknya untuk menjalankan aktiviti kepada pelajar dan memantau semua kelab yang berdaftar di bawah JHEP.

2. KENAL ALLAH SEBAGAI BUKTI BERIMAN KEPADANYA

Secara etimologi, iman bermaksud pengakuan atau pemberian dan secara terminologi ianya bermaksud benar dan mengaku yang mendalam tentang adanya Allah sebagai pencipta alam semesta yang tidak mempunyai sekutu apapun, adanya malaikat yang dicipta oleh Allah, kitab-kitab samawi yang diturunkan oleh Allah kepada para rasul yang merupakan syariat. Selain itu adanya rasul-rasul yang telah diutuskan oleh Allah, mempercayai kewujudan hari akhirat dan adanya qadha dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah (Musthafa Dieb Al-Bugha, 2019). Definisi lain iman ialah satu kepercayaan yang sah dan amalan yang soleh (Asy-Syaikh Ahmad Muhammad Assaf, 2022). Kepercayaan yang sah ini boleh diperolehi berdasarkan sumber ilmu yang sah yang berpandukan rujukan al-Quran, hadis sahih dan kupasan ilmu oleh ulama' yang muktabar.

Beriman kepada Allah merupakan paksi segala kebaikan, malah paksi kepada segala kesempurnaan hidup ('Ali Al-Shurbaji, 2009). Ianya juga sebagai pendorong utama ke arah semua jenis pengorbanan dan perjuangan. Ianya meliputi pengorbanan wang ringgit, masa dan tenaga tanpa rasa jemu dan berlakunya penerusan supaya iman tersebut akan terpelihara dan seseorang itu akan merasai hikmah kesan dari pengorbanan dan perjuangan untuk memelihara iman di hatinya. Sabda Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam (SAW) yang bermaksud (Asy-Syaikh Ahmad Muhammad Assaf, 2022): "Tiga perkara siapa yang memiliki, pasti beliau mendapat kemanisan iman: "Hendaklah Allah dan RasulNya lebih tercinta kepadanya selain darinya. Bila mencintai seseorang tidak lain dari kerana Allah dan membenci seseorang itu untuk kembali kepada kufur seperti mana beliau benci dicampak ke dalam neraka".

Manusia mestilah beriman bahawa matlamat kewujudan insan ialah mengenali Allah SWT seperti mana Allah SWT menjelaskannya supaya manusia sepatutnya memberi penuh ketaatan kepadaNya dan mengabdikan diri kepadaNya (Fathi Yakan, 2008). (Surah Al-Zariyat 51 : 56-58): "Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahKu. Aku tidak menghendaki rezeki sedikitpun dari mereka dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi Aku makan. Sesungguhnya Allah, Dialah Maha Pemberi rezeki Yang Mempunyai Kekuatan lagi Sangat Kukuh."

Jika ada manusia bertanya siapakah pemilik sebenar alam ini? Maka jawapannya adalah Allah adalah Pemilik alam ini. Firman-Nya: Surah (Al-An'am 2:12): "Katakanlah: Kepunyaan siapakah apa yang ada di langit dan di bumi. Katakanlah: Kepunyaan Allah". Al-Quran juga menjelaskan kepada pembacanya bahawa Allah Subhanahuwataala (SWT) sebagai pengurus alam ini. Surah (Al-baqarah 2:255): "Allah, tidak ada Ilah (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang hidup kekal lagi terus-menerus mengurus (makhluq-Nya), tidak mengantuk dan tidak tidur. Kepunyaan-Nya apa yang ada di langit dan di bumi, tiada yang dapat memberi syafaat di sisi Allah tanpa izin-Nya? Allah mengetahui apa-apa yang di hadapan mereka dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu Allah melainkan apa yang dikehendaki-Nya"

Allah SWT adalah dzat yang akan mengabulkan doa seseorang hamba. Orang yang beriman kepada Allah sepatutnya sering berdoa dan adanya pengharapan yang tinggi kepada Allah bahawa Allah tempat manusia itu mengadu dalam semua urusan hidupnya samada urusan itu kecil sehingga perkara yang besar. Surah (Al-Baqarah 2: 186): "Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah) aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah)-Ku dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku agar mereka selalu berada dalam kebenaran". Apabila siswi usrah mingguan Kelab RAPI PTSS kenal Allah sebagai pencipta, pemberi rezeki, pengurus hidup di dalam jiwa mereka, maka sudah pastilah tindakan dan urusan sehari-hari mereka akan mengikut semua kehendak dan aturan Allah SWT. Mereka akan berpakaian menutup aurat, berakhhlak mulia dan tidak berkomunikasi dengan lain jantina melainkan mengikut batas yang telah ditetapkan oleh Islam.

3. MERASA DIAWASI ALLAH SEBAGAI BUKTI BERIMAN KEPADA ALLAH

Merasa diawasi oleh Allah SWT atau *muraqabah* bermaksud pengawasan (Cahyadi Takariawan, 2012). Muraqabah ini adalah perasaan yang melahirkan diri seseorang manusia itu di dalam pengawasan Allah Dzat Yang Maha Hidup dan tidak pernah tidur. Perasan merasa diawasi dengan perasaan tidak merasa diawasi akan melahirkan sikap yang berbeza pada setiap siswi usrah mingguan Kelab Rapi PTSS. Siswi usrah mingguan Kelab RAPI PTSS yang bersih akidahnya akan memiliki keyakinan bahawa Allah SWT adalah Dzat Yang Maha Hidup atas segala yang dilakukan, juga mendengar apa yang diucapkan. Surah (Asy-Syu'a'ra 26: 217-220): "Dan bertakwalah kepada (Allah) Yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang, Yang Maha Melihat kamu Ketika kamu berdiri, dan (melihat pula) perubahan gerak badanmu di antara orang-orang yang sujud. Sesungguhnya Dia adalah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Allah SWT mengetahui yang lahir dan batin, mengetahui yang nyata dan ghaib, mengetahui perkara yang telah lalu, sekarang dan akan datang serta mengetahui gerak hati manusia. Melalui keimanan seperti ini, diharapkan tumbuh dalam diri seseorang itu perasaan sentiasa diawasi oleh Dzat Yang Maha Mengetahui, sehingga segala aspek dilakukan dengan hati-hati meskipun dalam keadaan bersendirian tanpa seseorang pun di sampingnya. Ini kerana Allah SWT sentiasa berada di sisinya dan mengawasinya 24 jam sehari. Surah (Al-Mujadilah 58: 7): "Tidakkah kamu perhatikan bahawa sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tiada pembicaraan rahsia antara tiga orang, melainkan Dialah yang keempatnya. Dan tiada (pembicaraan antara) lima orang, melainkan Dialah yang keenamnya. Dan tiada (pula) pembicaraan antara (jumlah) yang kurang dari itu atau lebih banyak, melainkan Dia ada bersama mereka di mana pun mereka berada...."

Perasaan siswi usrah mingguan Kelab RAPI PTSS sentiasa merasa diawasi oleh Allah SWT dalam setiap tindakannya akan melahirkan sikap ihsan dalam beramal. Ihsan merupakan prinsip ketiga setelah keimanan dan keislaman. Iman adalah doktrin keyakinan, Islam adalah prinsip amal, dan ihsan adalah prinsip mutu amal. Keimanan dan keislaman yang tidak dihiasi oleh ihsan tidak akan mendatangkan cinta Allah SWT. Orang yang beriman itu kuat kerana dia mengambil kekuatan dari Allah yang dipercayainya dan berserah diri kepadaNya (Dr. Yusuf Al-Qaradawi, 2008). Diyakininya bahawa Allah SWT bersama dengan dia, di mana sahaja dia berada. Allah itu menolong orang-orang yang beriman dan melemahkan orang-orang yang menegakkan yang batil. (Surah Ali-Imran 3: 160): “*Jika Allah menolong kamu, tidak ada yang dapat mengalahkan kamu. Dan jika Dia membiarkan kamu, siapakah yang dapat menolong selain daripadaNya? Dan kepada Allah hendaklah orang-orang yang beriman itu bertawakkal (menyerahkan dirinya)*”.

Asy-Syaikh Ahmad Muhammad Assaf (2022) menghuraikan kisah hijrah Rasulullah SAW bersama sahabatnya Abu Bakar ke Madinah dan mereka singgah bersembunyi di Gua Thur kerana musuh di kalangan kaum Quraisy ingin memburu Rasulullah SAW. Tetapi dengan izin Allah, seekor labah-labah membuat sesawangnya di muka pintu gua itu dan seekor burung merpati sedang mengeram telur di pintu gua tersebut. Sesawang labah-labah dan keadaan merpati itu menyebabkan musuh menafikan keberadaan Rasulullah di dalam gua itu. Ketika situasi mencemaskan itu, Abu Bakar berbisik kepada Rasulullah “*kalaular salah seorang dari mereka tunduk dan melihat dari bawah pasti mereka akan melihat kita berdua.*” Jawab Rasulullah SAW “*Janganlah kamu berduka, sesungguhnya Allah bersama kita, kamu bersangka kita berdua sebenarnya Allah adalah yang ketiga.*” Kisah ini berkaitan dengan firman Allah, (Surah At-Taubah 9: 40): “*Jika kamu tidak menolongnya (Nabi Muhammad), sesungguhnya Allah telah menolongnya (iaitu) Ketika orang-orang kafir mengusirnya (dari Mekah), sedangkan dia salah satu dari dua orang, Ketika keduanya berada dalam gua, Ketika dia berkata kepada sahabatnya, “janganlah engkau bersedih, sesungguhnya Allah Bersama kita”*

Maka, Allah menurunkan ketenangan kepada Nabi Muhammad dan menjadikan firman Allah itu tinggi dan seruan orang kafir itu adalah seruan paling rendah. Oleh kerana itulah, Rasulullah SAW mengaitkan di antara ihsan dengan pengawasan Allah dan perasaan diawasi oleh-Nya. Inilah jawapan baginda Ketika ditanya tentang ihsan oleh Malaikat Jibril. “*(Ihsan adalah) engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, maka Allah melihatmu*”. Muraqabah kepada Allah akan lebih teguh dan terkesan dengan bertambahnya pendekatan diri kepada Allah dan perasaan bahawa Allah dekat dengan dirinya (Fathi Yakan, 2007). (Surah Qaf 50: 16): “*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya dan Kami lebih dekat kepadanya berbanding urat lehernya*”. (Surah Al-Mujadilah 58: 7): “*Tiada pembicaraan rahsia di antara tiga orang, melainkan Dialah yang keempatnya. Dan tiada (pembicaraan antara) lima orang melainkan Dialah yang keenamnya. Dan tiada pula pembicaraan antara (jumlah) yang kurang dari itu atau lebih banyak melainkan Dia ada Bersama mereka di mana pun mereka berada. Kemudian Dia akan memberitakan kepada mereka pada hari kiamat apa yang telah mereka kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui segala sesuatu*”. (Surah Al-Zukhruf 43: 80): “*Apakah mereka mengira bahawa Kami tidak mendengar rahsia dan bisik-bisikan mereka? Sebenarnya (Kami mendengar), dan utusan-utusan (malaikat-malaikat) Kami selalu mencatat di sisi mereka*”.

4. UKHUWAH SEBAGAI BUKTI BERIMAN KEPADA ALLAH SWT

Imam Hasan Al-Banna mendefinisikan Ukhwah adalah hati dan ruh Bersatu dengan ikatan akidah (Muhammad Abdullah Khatib, 2013). Ukhwah adalah paksi keimanan kepada Allah SWT manakala perpecahan menghampiri kepada kekufuran. Tidak ada kesatuan tanpa hati terikat dengan perasaan cinta dan kasih atau ukhuwah. Darjah ukhuwah yang paling rendah adalah bersih hatinya dari bersangka buruk dan darjah ukhuwah yang tinggi adalah mengutamakan orang lain daripada diri sendiri. Budaya mengutamakan orang lain merupakan di antara seindah-indah kelebihan yang dianjurkan oleh Islam. Sifat ini adalah petanda kepada kebaikan, kemuliaan dan tanda sifat kemanusiaan yang sempurna (Asy-Syaikh Ahmad Muhammad Assaf, 2022). Firman Allah, (Surah Al-Hasyr 59: 9): “*Dan mereka mengutamakan (orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka memerlukan (apa yang mereka berikan itu). Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung*”.

Sebaik sahaja Rasulullah SAW menetap di Madinah baginda membina ukhwah di kalangan sahabat-sahabatnya yang terdiri daripada kaum Muhajirin dan Ansar (‘Ali Al-Shurbaji, 2009). Tungggak pembinaan ukhuwah ini sehingga tertegaknya masyarakat perpaduan dan saling membantu di antara sama lain. Perpaduan di kalangan masyarakat Madinah tidak mungkin berlaku tanpa dijalankan atas faktor persaudaraan dan kasih sayang yang berbalas. Ukhwah ini bukan sekadar laungan kosong atau sebagai satu slogan yang dipopularkan untuk mendapat sanjungan tetapi ianya satu ikatan, dengan erti kata yang sebenar yang mengikat antara peribadi-peribadi sahabat dengan satu hubungan bantu-membantu, tolong-menolong, sokong menyokong sesama mereka penuh erti dan makna.

‘Ali Al-Shurbaji, 2009 menjelaskan dari sebuah hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah radiyallahu’anhу yang berkata: “*Bahawa Ansar telah berkata kepada Rasulullah SAW: “Bahagikanlah pokok-pokok tamar kami itu di antara kami dan saudara-saudara kami.”*” Jawab Rasulullah SAW: “*Tidak.*” Kemudian kaum Muhajirin berkata: “*Apakah kamu membekalkan kami dengan makanan kemudian mahu berkongsi buah-buahan pula?*” Kata kaum Ansar: “*Kami mendengar dan kami mentaati*”. (Surah At-Taubah 9: 71): “*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan Perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong sebahagian yang lain*”. Tiada ukhuwah tanpa keimanan kepada Allah SWT. (Surah Al-Hujurat 49: 10): “*Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara*”. (Surah Al-Anfal 8: 46): “*Dan janganlah kamu berbantah-bantah yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu...*”

Menurut Musthafa Dieb Al-Bugha, 2019 hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud, “*Seseorang di antara kalian tidak beriman jika belum mencintai saudaranya seperti mencintai dirinya sendiri*”. Islam bertujuan menciptakan masyarakat yang harmonis dan penuh kasih sayang. Setiap individu berusaha mendahulukan maslahat umum dan kedamaian masyarakat sehingga tercipta keadilan dan kedamaian. Semua ini tidak akan terealisasi kecuali jika setiap individu yang ada dalam satu masyarakat menghendaki kebaikan dan kebahagian bagi orang lain seperti ia menghendakinya untuk dirinya sendiri. Kerana itu Rasulullah SAW mengaitkan persatuan dengan iman. Bahkan ianya bahagian yang tidak boleh dipisahkan. Dalam hadis ini disebutkan bahawa keimanan tidak dianggap kukuh dan mengajar di dalam hati seorang muslim kecuali ia menjadi manusia yang baik. Manusia yang jauh dari egoisme dan rasa dendam, kebencian dan kedengkian. Ia menghendaki kebaikan dan kebahagiaan terhadap orang lain sebagaimana ia menginginkan kebaikan dan kebahagiaan itu untuk dirinya sendiri.

Manakala mengikut Syaikh Sayyid Muhammad Nuh, 2018 hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Daud yang bermaksud, “*Kalian tidak akan masuk syurga hingga beriman. Dan kalian tidak beriman hingga saling mencintai. Mahukah kalian aku tunjukkan sesuatu apabila kalian melakukannya kalian akan saling mencintai? (Iaitu) budayakan (sebarkan) salam di antara kalian*”. Ini pula hadis yang diriwayatkan Abu Daud dan Ahmad yang bermaksud, “*Jika ada dua orang Muslim yang bertemu lalu mereka bersalaman dan memuji Allah azza wajalla maka keduanya diampuni*”. Jika siswi usrah mingguan kelab RAPI PTSS ditanamkan perasaan ukhuwah atau rasa saling kasih di antara satu sama lain, ianya akan menghasilkan semangat setia kawan, saling bantu dan bekerjasama sehingga di antara mereka tiada rasa jurang peribadi. Secara tidak langsung mereka selesa hidup bersama dan tidak berpecah. Suasana baik begini akan merangsang untuk mereka hadir mengimarahkan aktiviti yang berlangsung di Pusat Islam.

5. KESIMPULAN

Fitrah atau semulajadinya siswi usrah mingguan Kelab RAPI PTSS menerima adanya Tuhan yang menciptanya. Tetapi disebabkan kurang ilmu tentang beriman kepada Allah SWT menyebabkan akidah mereka kurang sejahtera. Diceritakan sebuah kisah (Dr. Abdul Karem Zaidan, 2007) tentang seorang juruterbang pesawat angkatan tentera udara yang mengalami detik-detik cemas ketika pesawat yang dipandunya itu terkena sasaran peluru musuh dan menurut perkiraannya pesawat itu pasti meledak tetapi akhirnya juruterbang itu terselamat. Juruterbang itu memberitahu bahawa dalam keadaan beliau sedang cemas pada saat kritis itu, beliau telah lupa kepada isteri, keluarga dan teman. Tanpa beliau sedari, beliau telah memanggil nama Tuhan ‘oh Tuhan tolonglah aku’. Di dalam kehidupannya selama usia 30 tahun tidak terlintas di hati untuk mengingati Tuhan kerana beliau dilahir dan dibesarkan dalam sebuah keluarga yang menganut fahaman athies. Mengikut penganut athies, mereka tidak mempercayai adanya Tuhan yang mencipta mereka. Firman Allah, Surah (Luqman 31:32): Maksudnya: “*Apabila mereka dilamun ombak yang (besar) seperti gunung, mereka menyeru Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepadaNya. Tetapi tatkala Allah menyelamatkan mereka sampai di daratan, maka sebahagian mereka saja yang tetap menempuh jalan yang lurus*”. Berdasarkan ayat ini disimpulkan bahawa jiwa manusia ketika berada di dalam keadaan yang cemas seperti berada di dalam sebuah bot kecil yang dilambung oleh ombak yang besar di tengah lautan, barulah ketika itu mereka memohon pertolongan hanya kepada Allah sahaja dan tidak kepada yang lain. Tetapi apabila mereka terselamat dari bencana tersebut (mereka kembali senang dan selesa), sebahagian jiwa manusia ada yang menolak Allah sebagai Tuhan yang patut disembah, dipuja dan dipuji. Langit dan bumi akan rosak binasa jika ada tuhan selain Allah. Firman Allah, Surah (Al-Anbiya 21: 22): Maksudnya: “*Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya*”. Jelaslah kepada kita bahawa hanya Allah sahaja zat yang berhak untuk menjadi pencipta manusia dan makhluk yang lain. Hati ahli usrah mingguan Kelab RAPI PTSS yang mengingati Allah akan menjadi tenang tenteram. Bilamana hati seseorang itu tenang, perkara yang susah akan mudah untuk dilaksanakan. Contohnya bangun di tengah malam ketika orang lain sedang tidur dengan melaksanakan tilawah al-Quran dan qiamullail. Ianya berat dilakukan kecuali mereka yang hatinya tenang dan adanya sumber kekuatan jiwa dari Allah swt. Oleh itu diharap ahli usrah mingguan siswi Kelab RAPI PTSS berusaha mengenali Allah sebagai Tuhan yang mencipta manusia, Tuhan yang mencipta semua haiwan dan tumbuhan, Tuhan yang mencipta malaikat, jin dan syaitan. Apabila ahli usrah siswi Kelab RAPI PTSS mengenali Allah, lagi banyak hidayah Allah akan diberi kepada hati seseorang itu. Hidayah diumpamakan seperti lampu yang menyuluh bagi orang yang berjalan di malam hari yang gelap gelita. Cahaya itu meneranginya untuk sampai ke destinasi yang ditujunya. Begitu juga dengan hidayah Allah, mampu memimpin ahli usrah mingguan siswi Kelab RAPI PTSS itu hidup dalam keadaan yang Allah suka dan Allah redha. Akhirnya siswi itu sentiasa berada di dalam hidayah Allah ini akan bertemu Allah dalam keadaan husnul khatimah (kesudahan yang baik) dan bukannya suul khatimah (kesudahan yang bermaksiat kepada Allah). Nauzubillahiminzalik.

REFERENCES

- ‘Ali Al-Shurbaji. (2009). Suri Teladan Kehidupan Para Sahabat. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar. M.s.17, 176 & 179.
Asy-Syaikh Ahmad Muhammad Assaf. (2022). Untaian Permata Dari Kehidupan Rasulullah SAW. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Darussofiah.
Cahyadi Takariawan. (2012). Keakhawatan Bersama Tarbiyah Ukhti Muslimah Tunaikan Amanah. Solo: PT Era Adicitra Intermedia.
Dr. Abdul Karem Zaidan. (2007). Dasar-dasar Ilmu Dakwah. Jld 1. Shah Alam: Dewan Pustaka.
Fathi Yakan. (2007). *Bahtera Penyelamat Dalam Kehidupan Pendakwah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
Fathi Yakan. (2008). Apa Ertinya Saya Menganut Islam. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.

Prosiding Seminar Nasional Teknologi Komputer dan Sains

Vol 3, No 1, July 2025, Hal: 444-448

ISSN 3030-8011 (Media Online)

Website <https://prosiding.seminars.id/sainteks>

- Hamka. (2015). *Tafsir Al-Azhar*. Jld. Ke-6, Jakarta: Gema Insani
- Majdi Al-Hilali.2015. *Di Hati Kita Bermula*. Shah Alam: Grup Bukun Karangkraf Sdn. Bhd.
- Majdi Al-Hilali. (2007). *Kembali Kepada Al-Quran*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- Muhammad Syadid. (2003). *Manhaj Tarbiyah*. Jakarta: Robbani Press.
- Muhammad Abdullah Khatib. (2013). *Syarah Risalah Ta'lim*. Jakarta Timur: Al-I'tishom.
- Musthafa Dieb Al-Bugha. (2019). *Al-Wafiq Syarah Kitab Arbain An-Nawawiyah*. Ed. Ke-33, Jakarta: Al-I'tishom.
- Musthafa Dieb Al-Bugha. (2019). *Al-Wafiq Syarah Kitab Arbain An-Nawawiyah*. Ed. Ke-33, Jakarta: Al-I'tishom. M.s.91.
- Syaikh Muhammad. (2019). *Syarah Hadiths Arbain Imam An-Nawawi*. Jakarta: Darul Haq.
- Syaikh Sayyid Muhammad Nuh. (2018). *Berguru Dengan Sahabat Nabi*. Sg Buloh: Santai Ilmu Publication.
- Syaikh Sayyid Muhammad Nuh. (2018). *Berguru Dengan Sahabat Nabi*. Sg Buloh: Santai Ilmu Publication. M.s.92.
- Disiplin Pecahan Mengikut Kumpulan Kesalahan. (n. d.). Capaian dari <http://spmp.poliperlis.edu.my>
- Taufik Yusuf Al-Wa'iy. (2011). *Kekuatan Sang Murabbi*. Ed. Ke-6, Jakarta: Al-I'tishom Cahaya Umat.
- Yusuf Al-Qaradawi .2008. *Iman Dan Kehidupan*. Ed. Ke-2, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr Jailani & Dr Noraini (2005). Penerapan Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum di Politeknik
<http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/seminarpapers/2005/ahmadKUITTHO.pdf>